

**SIARAN MEDIA**

Embargo: 6.00pm (15 Januari 2025)

## **Bekas Pengarah Urusan Adidas & Warner Music Dilantik Menerajui Kumpulan FMCG SEDANIA**

*Dengan rekod kepimpinan yang berwawasan dan transformatif, SEDANIA mengalu-alukan peneraju industri untuk memacu inovasi dan mengukuhkan kedudukan pasaran bagi jenama-jenama FMCG.*

**PETALING JAYA, 16 Januari 2025** - SEDANIA SEDANIA Innovator Berhad dengan sukacitanya mengumumkan pelantikan Encik Darren Choy sebagai **Ketua Pegawai Eksekutif (“CEO”)** untuk **Kumpulan FMCG SEDANIA (“SEDANIA FMCG Group”)**, **berkuatkuasa 16 Januari 2025**. Pelantikan strategik ini menegaskan komitmen SEDANIA untuk memangkin pertumbuhan dan inovasi dalam sektor FMCG lestari.

Darren membawa bersamanya pengalaman yang luas sebagai seorang pemimpin transformasi dengan rekod prestasi cemerlang dalam jawatan-jawatan eksekutif tertinggi sebelum ini, termasuk sebagai Pengarah Urusan Warner Music Malaysia dan Singapura, Pengarah Urusan Adidas Malaysia dan Singapura, Ketua Pegawai Pemasaran Lotus Racing F1 Team, dan Pengarah Urusan EMI Music Malaysia. Pendekatan dinamik beliau terhadap transformasi organisasi, prestasi pasukan, dan pertumbuhan holistik telah membawa hasil yang luar biasa secara konsisten, termasuk:

- Meningkatkan keuntungan sebanyak 135% dan pendapatan sebanyak 155% semasa tempoh beliau di Warner Music Malaysia.
- Memacu Adidas Malaysia untuk mengatasi pesaing terdekatnya, Nike, dalam kejenamaan dan kepimpinan pasaran buat kali pertama.
- Mengukuhkan ledudukan EMI Music Malaysia dengan meningkatkan pegangan pasaran ke 21.5%, menjadikannya sebagai peneraju industry musik.

Darren akan memimpin Kumpulan FMCG SEDANIA dan memainkan peranan penting dalam fasa pertumbuhan global yang seterusnya, membina asas kukuh yang telah dibentuk di bawah pimpinan Encik Ng Hock Guan, yang telah melepaskan jawatannya sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan atas sebab komitmen peribadi. Sepanjang tempoh itu, Ng telah memberi sumbangan penting dalam mengukuhkan posisi SEDANIA dalam sektor FMCG lestari.

“Dalam mengalu-alukan Darren ke Kumpulan SEDANIA, kami menekankan komitmen teguh kami terhadap pertumbuhan mampan dan inovasi. Kepakaran, semangat, dan kepimpinan berwawasan Darren akan mendorong SEDANIA ke arah pencapaian baharu, disamping mengukuhkan lagi kedudukan kami sebagai jenama ulung dalam sektor FMCG lestari. Rekod cemerlang beliau menjadikannya sebagai pemimpin yang ideal untuk menerajui Kumpulan FMCG SEDANIA ke babak yang lebih gemilang,” kata Pengerusi Kumpulan SEDANIA, YAA Tun Raus Md Sharif.

Dengan sentimen yang sama, Pengasas dan Pengarah Urusan SEDANIA, Datuk Azrin Mohd Noor, turut menyatakan keterujaan dan keyakinan beliau terhadap pelantikan Darren: “Saya amat teruja mengalu-alukan Darren sebagai ahli pengurusan kanan kami. Pada tahun-tahun sebelumnya, kami telah membina asas kukuh dengan memberi fokus pada elemen inovasi, keupayaan rantaian bekalan, serta memperkuatkukuhkan system operasi dalaman kami. Kini, dengan kehadiran Darren di pucuk pimpinan, kami kini bersedia untuk memacu jenama-jenama FMCG kami di peringkat global.

“Pencapaian Darren sebelum ini sebagai Pengarah Urusan Adidas Malaysia dan Singapura – sebuah jenama gaya hidup berskala global adalah yang sejajar dengan aspirasi Offspring dan Tanamera sebagai pilihan utama para ibu, wanita, dan keluarga yang mementingkan gaya hidup mampan di seluruh dunia.”

"Apa yang benar-benar mengujakan saya adalah rekod cemerlang Darren dalam industri muzik yang amat kompetitif dengan rentak perubahan yang laju, khususnya sebagai Pengarah Urusan Warner Music di Malaysia dan Singapura. Walaupun industri musik dikenali dengan persaingan sengit, perubahan citarasa pengguna dan evolusi teknologi yang pantas, Darren telah berjaya mengatasi cabaran-cabaran ini."

"Pencapaian ini memberi keyakinan besar kepada saya bahawa pandangan strategik dan kepakaran Darren dalam pemasaran global dan kejenamaan akan membawa Kumpulan FMCG SEDANIA ke tahap yang baharu. Dengan Darren sebagai peneraju, saya yakin jenama-jenama FMCG kami, iaitu Offspring dan Tanamera, akan mencapai pengiktirafan pasaran yang jauh lebih besar. Kami berada di ambang babak baharu yang menarik, dan saya menantikan permulaan perjalanan ini dengan Darren di barisan hadapan."

Pelantikan Darren sebagai CEO Kumpulan FMCG SEDANIA dijangka memperkuuh misi SEDANIA untuk **Memperbaiki Kehidupan Secara Lestari**. Kami menantikan kepimpinan beliau dalam memainkan peranan penting membentuk masa depan FMCG yang lebih lestari, inovatif, dan berwawasan.

-TAMAT-

**NOTA:**

**\*Pengelasan Semula kepada Sektor Produk & Perkhidmatan Pengguna**

Saham Kumpulan SEDANIA yang didagangkan di Pasaran ACE Bursa Malaysia telah dikelaskan semula di bawah sektor "**Produk dan Perkhidmatan Pengguna**" dan sub-sektor "**Perkhidmatan Pengguna**" masing-masing, berkuatkuasa jam 9.00 pagi, 9 Julai 2024.

#### Mengenai SEDANIA Innovator Berhad

SEDANIA merupakan sebuah syarikat pemegang pelaburan yang memberi tumpuan kepada perniagaan kearah kelestarian. Sejak disenaraikan pada tahun 2015 di Pasaran ACE Bursa Malaysia, Kumpulan telah melabur dalam perniagaan inovatif yang membawa kepada peningkatan kelestarian dan pengurangan pelepasan karbon, menyumbang kepada ekonomi yang lebih mampan.

Kumpulan didorong oleh teras perniagaan utama dalam barang dan perkhidmatan pengguna mampan, berorientasikan pengguna: **Offspring Inc Sdn Bhd ("Offspring")**, **Tanamera Group Sdn Bhd ("Tanamera")**, dan **SEDANIA As Salam Capital Sdn Bhd**.

**Offspring**, jenama bayi mampan yang menawarkan pelbagai produk dengan lebih dari 170 SKU yang diperbuat daripada bahan mesra alam dan pembungkusan yang boleh didegradasi yang terdapat di tiga benua antarabangsa.

**Tanamera** menetapkan standard dalam penjagaan peribadi premium, semula jadi, dengan mencampurkan tradisi Asia dengan herba tropika ekologi kepada pelanggan yang tahap antarabangsa.

**SEDANIA As Salam Capital**, peneraju dalam revolusi kewangan digital, merangkumi hampir 95 institusi perkhidmatan kewangan dengan penyelesaian FinTech inovatif, pengurusan harta Islam JOMHIBAH, dan Program Pembiayaan GoHalal ("GHP") untuk meningkatkan inklusif kewangan dan kesejahteraan.

Teras utama ini menekankan komitmen teguh SEDANIA terhadap inovasi, kelestarian, dan penyediaan barang dan perkhidmatan berorientasikan pengguna.

#### **Memperbaiki kehidupan secara lestari.**

Sila layari [www.sedaniainnovator.com](http://www.sedaniainnovator.com) untuk mengetahui lebih lanjut tentang inovasi dan penawaran servis dan produk kami.

#### **Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:**

##### **Dave Pang**

Tel: +603-7880 2001 / +6016 549 2835



[SEDANIA Innovator Berhad](#)



[sedaniainnovatorbhd](#)



[SEDANIA Innovator Berhad](#)